# KEMAJUAN PROJEK CENTRAL FOREST SPINE (CFS) PL2 GERIK,PERAK

# KEMAJUAN PROJEK CFS
# PL 2 GERIK, PERAK

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| 22 Januari 2013 | • Mesyuarat Jawatankuasa Kerja *Ekological Linkages Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak Bil. 1/2013 |
| 23 Januari 2013 | • Kerajaan Negeri melalui MMK Bil.1726 telah secara dasar bersetuju untuk mewartakan kawasan Tanah Kerajaan Mukim Hulu Perak sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) |
| **19 Febuari 2013** | • **Persidangan CFS bertajuk *The Conference On Perak's Central Forest Spine: The Offing Of The State's Biodiversity Bastion* bertempat di Kinta Riverfront Hotel & Suites melibatkan enam (6) pembentang kertas kerja serta 400 orang peserta.** |

# KEMAJUAN PROJEK CFS
# PL 2 GERIK, PERAK

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| 6 Mac 2013 | • Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk mewartakan kawasan Tanah Kerajaan (Koridor Ekologi CFS Gerik) sebagai Hutan Simpanan Kekal dengan nama Hutan Simpan Amanjaya seluas 18,866 ha. |
| **14 Mac 2013** | • **Lawatan "*Kick Off*" ke Program 1NRE Belum oleh Y.Bhg. Dato' Sri Zoal Azhar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Melawat Tapak Projek Pembinaan "*Viaduct*" di bawah Projek CFS.** |
| **27 Mac 2013** | • **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan *Central Forest Spine* (JTNP-CFS) Bil. 1/2013 dan Sesi " *Initial Stakeholder Consultation on Preparation of Project Document For Improving Connectivity in The Central Forest Spine* (IC-CFS)" di Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim KPSSM.** |

# KEMAJUAN PROJEK CFS
# PL 2 GERIK, PERAK

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| **9 Mei 2013** | • **Pengisytiharan Hutan Simpan Kekal Amanjaya seluas 18,866ha dalam Warta Kerajaan Negeri Perak melalui Nombor Warta 786.** |
| 16 Mei 2013 | • Mesyuarat Jawatankuasa Kerja *Ekological Linkages Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak Bil. 2/2013 |
| 7 Julai 2013 | • Lab penyediaan maklumat untuk Pembangunan Sistem Pengkalan Data bagi Projek Koridor Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak Siri I bertempat di Hotel Ritz , Ipoh. |
| 16 Julai 2013 | • Mesyuarat Jawatankuasa Penyediaan Dokumen projek UNDP/ GEF/ GOM: *Improving Connectivity In The Central Forest Spine Landscapes* IC-CFS) Bil. 1/2013. |
| 19 Julai 2013 | • Sesi "*Stakeholder Consulatation Workshop* - UNDP/ GEF/ GOM: *Improving Connectivity In The Central Forest Spine Landscapes* IC-CFS)" Bil. 1/2013 |

# KEMAJUAN PROJEK CFS
# PL 2 GERIK, PERAK

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| **25 Julai 2013** | • **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan *Central Forest Spine* (CFS) peringkat Negeri Perak Bil.1/2013** |
| 11-13 September 2013 | • Lab penyediaan maklumat untuk Pembangunan Sistem Pengkalan Data bagi Projek Koridor Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak Siri II bertempat di Hotel Ritz , Ipoh. |
| 19 September 2013 | • Mesyuarat Jawatankuasa Kerja *Ekological Linkages Central Forest Spine* (CFS) Gerik, Perak Bil. 3/201 |
| **7 November 2013** | • ***Penganjuran Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking And Cleaner Environment In A Biodiversed Forest*** **di km152 Lebuhraya Gerik-Jeli HS Amanjaya (Kawasan PL2 CFS) yang dirasmikan oleh DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dengan melibatkan 800 orang peserta. Sebanyak 502 pokok pelbagai spesies ditanam.** |

# KEMAJUAN PROJEK CFS
# PL 2 GERIK, PERAK

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| 14 Nov 2013 | • Mesyuarat Membina dan Menyiapkan *Viaduct* dan Lain-lain Kerja Berkaitan di sk 49 Lalulintas 4, Km 157 Gerik – Kota Baru Koridor Ekologi CFS, Gerik Perak Bil. 1/2013 oleh JPS |
| 18 Nov 2013 | • Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan *Central Forest Spine* (JTNP-CFS) Bil.2/2013<br>• Mesyuarat Jawatankuasa Penyediaan Dokumen Projek UNDP/GEF/GOM:Improving Connectivity In The *Central Forest Spine Landscape* (IC-CFS) |
| **29 Nov 2013** | • **Lawatan *Tropical Rainforest Conservation & Research Centre Bhd.* (TRCRC) ke kawasan Tapak Projek untuk melaksanakan Inventori dan analisa tapak bersama kakitangan JPNPk** |

# KEMAJUAN PROJEK CFS
# PL 2 GERIK, PERAK

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| **3 Dis 2013** | • **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan *Central Forest Spine* (CFS) Peringkat Negeri Perak Bil.2/2013** |
| 5 Dis 2013 | • Aktiviti penguatkuasaan bersepadu secara udara antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, PERHILITAN dan Perbadanan Taman Negeri Perak di kawasan CFS, Gerik |

# PERUNTUKAN PROJEK *CENTRAL FOREST SPINE* (CFS) TAHUN 2013

# PERUNTUKAN TAHUN 2013
# (Perbelanjaan sehingga 5 Disember 2013)

- Waran Peruntukan Kecil diterima berjumlah RM 910,000.00 untuk melaksanakan dua(2) aktiviti iaitu:-

a. Aktiviti Menaiktaraf Tapak Semaian Air Ganda, Gerik, Perak berjumlah RM 80,000.00. Pencapaian dua sebutharga kerja menaiktaraf Tapak Semaian telah siap dengan kos RM 40,000.00 dan pembelian Generator & Pendawaian dengan kos RM 40,000.00.

**(Peratus Perbelanjan 100% - RM 80,000.00)**

a. Aktiviti pengukuran dan Penandaan Sempadan Kawasan Koridor Ekologi Gerik berjumlah RM 830,000.00. Lantikan 2 Jurukur Tempatan melibatkan kerja ukur sempadan HS Amanjaya sejauh 155.56 Km dengan kos RM 825,167.60

**(Peratus Perbelanjan 99% - RM 825,167.60)**

# PERUNTUKAN TAHUN 2013

**(Perbelanjaan sehingga 5 Disember 2013)**

- Waran Peruntukan Kecil diterima berjumlah RM 23,650.00 untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bersepadu antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, PERHILITAN dan Perbadanan Taman Negeri Perak. Turut serta Pegawai daripada JPSM, Jabatan Mineral & Geosains Negeri Perak & PTD Daerah Hulu Perak

Pada 5 Disember 2013 telah diadakan pemantauan udara di kawasan

CFS . (**Peratus Perbelanjan 85% - RM 20,000.00**)






Dua Unit Motosikal Lasak buatan Kawasaki Model KLX150-C yang diperoleh daripada Projek CFS Gerik telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Jabatan PERHILITAN Negeri Perak pada 19 September 2013 untuk kegunaan pelaksanaan pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan di kawasan koridor Ekologi CFS Gerik, Perak di bawah program '**1**NRE *Enforcement* '.



# PERUNTUKAN TAHUN 2013
# (Perbelanjaan sehingga 5 Disember 2013)

- Waran Peruntukan Kecil diterima berjumlah RM 50,000.00 untuk melaksanakan *Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking and Cleaner Environment In A Biodiversed Forest*

**(Peratus Perbelanjan 99% - RM 49,980.00)**



# PERSIDANGAN CFS
# PERAK

# PERSIDANGAN CFS PERAK PADA 19 FEB. 2013

## Tujuan:

- Mewar-warkan sokongan Kerajaan Negeri Perak terhadap pelaksanaan CFS di Negeri Perak selaku tapak projek perintis dalam menyeimbagkan elemen-elemen sosial, ekonomi, alam sekitar seperti Pelan Tindakan Harimau (NTCAP) dalam mencapai wawasan negara.

- Untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat serta mendapatkan input terhadap aktiviti yang dirancang dalam pelaksanaan CFS Negeri Perak

# PERSIDANGAN CFS PERAK PADA 19 FEB. 2013

- Untuk memperolehi pengetahuan dan pengalaman mengenai pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti CFS yang dijalankan di tempat lain sebagai panduan.

- Sebagai platform untuk Kerajaan Negeri mempelawa syarikat korporat untuk bersama JPNPk menaman pokok di sepanjang lebuhraya Gerik-Jeli yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Amanjaya selain meneroka peluang ekonomi hijau.

# *THE CONFERENCE ON PERAK'S CENTRAL FOREST SPINE: THE OFFING OF THE STATE'S BIODIVERSITY BASTION*
# 19 FEB. 2013









**Persidangan telah dirasmikan oleh YB Dato' Mah Hang Soon**

# PEMBENTANG KERTAS KERJA
# SESI PAGI









# PEMBENTANG KERTAS KERJA
# SESI PETANG













**Tetamu Kehormat**
**Tun Abdullah Ahmad Badawi dan**
**Tun Jeanne Abdullah melawat**
**pameran sempena persidangan CFS**

# Penglibatan Peserta Dalam Persidangan CFS







# LAWATAN “*KICK OFF*” KE PROGRAM 1NRE BELUM OLEH YBHG. DATO’ SRI ZOAL AZHAR, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR


SELAMAT DATANG
KE PULAU TALI KAIL
YBhg. Dato' Sri Zoal Azha Bin Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Pada
14-15 Mac 2013




NEGERI PERAK




MERCURY













JABATAN PERHUTANAN

# MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL NASIONAL PELAKSANAAN *CENTRAL FOREST SPINE* (JTNP-CFS) BIL. 1/2013 DAN SESI “ *INITIAL STAKEHOLDER CONSULTATION ON PREPARATION OF PROJECT DOCUMENT FOR IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE* (IC-CFS)” DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK










INITIAL STAKEHOLDER CONSULTATION ON THE PREPARATION OF
PROJECT DOCUMENT FOR IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPES (IC-CFS)
Jabatan Perhutanan Negeri Perak


Jabatan Perhutanan Negeri Perak




JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERAK



# PENGISYTIHARAN HUTAN SIMPAN AMANJAYA SELUAS 18,866HA (WARTA 786)

PELAN MENUNJUKKAN SUATU PENGISYTIHARAN
HUTAN SIMPAN KEKAL SEBAGAI
HUTAN SIMPAN AMANJAYA
SELUAS KIRA-KIRA 13,866 HEKTAR

DAERAH HULU PERAK

NEGERI PERAK

LEMBAR PIAWAI 89,90,91,92,102,103,104,105,
106,107,108,116,117,118,119,
120,121,122,123,124,131,132,
133,149 & 150

SKALA 1: 150,000

PUPKW1_2013

Disedia oleh (NOR ISFARIZA BT MD ISHAK)

Diperiksa oleh (HIDAYATUL AISHAH KU'ON BINTI ABDULLAH)

Diakui dibawah seksyen 410 (a) Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965) bahawa ini adalah pelan yang betul lagi benar menunjukkan suatu Pengisytiharan Hutan Simpan Kekal Sebagai Hutan Simpan Amanjaya.
(Sempadan dilingkungi warna kelabu)

(JAMNI BIN A RAHMAN) 7-0-2013
PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
PERAK

PW 2112





HUTAN SIMPAN AMANJAYA
Skala : 1 : 200 000
TAMAN NEGERI ROYAL BELUM
H.S AMANJAYA
Kawasan Pembinaan Viaduct
Centrel Forest Spine ( CFS )
Lebuhraya Gerik - Jeli
KELANTAN
H.S GERIK
Tapak Pelancaran Amanjaya
Tree Planting Program
H.S BANDING
H.S GERIK
H.S TEMENGGOR

# MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PELAKSANAAN *CENTRAL FOREST SPINE* (CFS) PERINGKAT NEGERI PERAK BIL.1/2013 & BIL.2/2013













# *AMANJAYA TREE PLANTING PROGRAM : FUTURE CARBON STOCKING AND CLEANER ENVIRONMENT IN A BIODIVERSED FOREST*

# *Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking And Cleaner Environment In A Biodiversed Forest pada 7 November 2013*

- Kerajaan Negeri Perak telah secara rasmi mewartakan kawasan seluas 18,866 hektar sebagai Hutan Simpan Kekal pada 9 Mei 2013 yang dinamakan Hutan Simpan Amanjaya . Pewartaan ini menandakan keprihatinan Kerajaan Negeri Perak untuk menyokong projek CFS, juga untuk menyokong keberkesanan inisiatif nasional pemuliharaan seperti Rancangan Tindakan Harimau , Rancangan Fizikal Negara dan Dasar Biodiversiti Negara.
- Program ini penyumbang kepada masa hadapan dari segi alam sekitar dan perlindungan biodiversiti serta sumber kekayaan baru daripada produk semulajadi dan eko –pelancongan terutamanya di HS Amanjaya , HS Temenggor dan HS Banding.
- Program ini diadakan di km152 Lebuhraya Gerik-Jeli HS Amanjaya (Kawasan PL2 CFS) yang dirasmikan oleh DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dengan melibatkan 800 orang peserta. Sebanyak 502 pokok pelbagai spesies telah ditanam.

## *Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking And Cleaner Environment In A Biodiversed Forest pada 7 November 2013*

Tujuan:

- Menwar-warkan usaha Kerajaan Negeri Perak untuk memelihara, memulihkan dan meningkatkan persekitaran dan ekosistem Hutan Simpan Amanjaya yang terletak di kawasan *Central Forest Spines*.
- Menunjukkan kepentingan peranan Hutan Simpan Amanjaya sebagai takungan karbon yang besar untuk memastikan keseimbangan kitaran karbon di negara ini.
- Sebagai platform untuk menjemput penglibatan pelabur yang berminat dalam penanaman semula hutan dan pelaburan karbon di Hutan Simpan Amanjaya .










Tetamu Kehormat DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dan DYTM Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan









Upacara Perasmian Program



Tetamu Yang Turut Hadir Program











Lawatan ke Pameran










Upacara Menanam Pokok





Upacara Menanam Pokok







# Kenyataan MEDIA dan TETAMU terhadap *Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking And Cleaner Environment In A Biodiversed Forest*

# Janji manifesto ditepati

## *Kerajaan negeri sasar tanam dua juta pokok untuk pelihara alam sekitar*

RIDAUDDIN DAUD

**GERIK** - Kerajaan negeri menunaikan satu manifesto dikemukakan pada PRU13 apabila berjaya menanam satu juta pokok di seluruh Perak dalam usaha memelihara alam sekitar di negeri itu, semalam.

Kesinambungan kejayaan projek berkenaan akan diteruskan dengan penanaman dua juta lagi pokok di seluruh negeri.

Pencapaian membanggakan itu diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir selepas pelancaran Program 'Amanjaya Tree Planting' di Hutan Simpan Amanjaya yang disempurnakan oleh Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah dan Raja Puan Besar, Tuanku Zara Salim di situ, semalam.



Raja Dr Nazrin (tengah) melihat model perancangan Hutan Simpan Amanjaya pada majlis perasmian Amanjaya Tree Planting Program Future Carbon Stocking and Cleaner Environment In A Biodiversed forest sambil diperhatikan Zambry (dua, kanan).

Raja Dr Nazrin turut berkenan menyempurnakan penanaman pokok ke sejuta dari spesies Cengal.

Projek yang bertujuan memelihara dan memulihara alam sekitar itu mendapat pengiktirafan daripada duta Belgium, Singapura, Finland dan beberapa NGO.

Zambry berkata, kejayaan tersebut membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan negeri dalam memastikan kehijauan alam sekitar di Perak sentiasa terpelihara.

Menurutnya, ia juga menjadikan Perak negeri pertama menggazet semula lebih 18,000 hektar tanah untuk dijadikan hutan simpan kekal yang dinamakan Hutan Simpan Amanjaya.

"Sehingga hari ini, sudah sejuta pokok kita tanam bagi mewujudkan semula biodiversiti di negeri ini. Kejayaan ini juga membuktikan kita menepati janji dalam manifesto dibentangkan dahulu.

"Pokok ditanam pula bukan spesies biasa yang mudah ditemui di rumah-rumah. Kita menanam pokok yang memang kebiasaannya hidup di hutan seperti spesies chengal dan pokok-pokok ini ditanam di kawasan hutan merosot," katanya.

Dalam perkembangan sama, Zambry memaklumkan, kerajaan negeri sentiasa bertindak tegas dalam menangani isu penebangan hutan secara haram dengan memastikan pihak berkenaan tidak melebihi kuota ditetapkan.

Katanya, di Perak, keluasan penebangan hutan yang dibenarkan setiap tahun adalah 6,990 hektar.

"Kita tidak akan biar penebangan itu melebihi kuota dibenarkan, kalau ada yang lebih pun, itu merupakan projek terdahulu.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita sudah mula mengurangkan sedikit demi sedikit kelulusan untuk penebangan hutan," katanya.

Surat Khabar Sinar Harian –
Jumaat 8 Nov 2013 (m/s 20&37)



# Perak tanam sejuta poko

## Berjaya tunai salah satu manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13

Oleh Mohd Hairi Azmi Tham

Gerik

Kerajaan negeri berjaya menunaikan salah satu manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang lalu apabila mencapai sasaran menanam satu juta pokok di seluruh negeri.

Selaras kejayaan itu, Men- ri Besar, Datuk Seri Dr mbry Abdul Kadir me- umumkan sasaran baru nanam dua juta pokok di ruh negeri sebagai me- kan kesinambungan manifesto berkenaan.

"Perak juga menjadi negeri pertama mewartakan semula lebih 13,000 hektar tanah untuk dijadikan Hutan Simpan Kekal yang dinamakan Hutan Simpan Amanjaya.

"Sehingga hari ini, sudah sejuta pokok ditanam di Perak yang membuktikan kita menepati janji dalam manifesto sebelum ini.

"Kita menanam pokok yang hidup di hutan seperti spesies cengal dengan harapan ia akan terus kekal dalam hutan di negeri ini," katanya selepas Majlis Pelancaran Program 'Penanaman Pokok Amanjaya, baru-baru ini.

Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah mencemar Duli bagi merasmikan program berkenaan dengan menanam pokok yang kesejuta dari spesies cengal di Hutan Simpan Amanjaya.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim.

> "Kita menanam spesies pokok yang hidup di hutan seperti cengal"
> Dr Zambry Abdul Kadir

RAJA Dr Nazrin menanam pokok yang kesejuta daripada Amanjaya.

JANGAN LEPASKAN PELUANG!

gadget

REAKSI

## Sasaran tanam dua juta pokok



"Projek ini merupakan langkah baik dalam memastikan ekosistem di negeri ini terpelihara. Kehijauan alam di Perak perlu dipelihara dengan baik, agar tidak hilang ditelan zaman. Alternatif yang diambil kerajaan negeri ini merupakan satu langkah yang baik dan amat membanggakan."

**Adun Temengor, Salbiah Mohamed**



"Saya bangga dengan pencapaian ini kerana ia merupakan pencapaian yang amat baik untuk kerajaan negeri. Saya menyambut baik usaha kerajaan menanam semula pokok seperti ini kerana ia bakal memberi manfaat kepada ekosistem di negeri ini."

**Ketua Zon Orang Asli RPS Kemar dan Benun, Che Harun Hussin**



"Kerajaan negeri melakukan pelbagai usaha dalam memastikan perancangan ini berjaya. Ini merupakan satu projek yang bagus dan akan memberi manfaat kepada generasi akan datang. Kami sebagai NGO sentiasa memberikan kerjasama dalam memastikan projek ini akan bertambah baik dari semasa ke semasa."

**Pengerusi Persatuan Perak Timber Trade Association, Datuk Chung King Tong**

# MB: Perak's forests are in great shape

**PROUD ACHIEVEMENT:** Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir says the state's forest acreage of 0.43ha per person is double that of the national average of 0.2ha

IPOH
nst_ipoh@yahoo.com

DESPITE allegations of rampant deforestation activities, Perak has in fact managed its forests commendably.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir told the state assembly sitting here yesterday that the state's per capita forest acreage was better than the national average.

He said at 0.43ha per person, it was way higher than the national average of 0.2ha per capita.

"This achievement is something that the state can be proud of.

"We will continue our efforts to preserve the forests," he said when answering a supplementary question from Kenering assemblyman Datuk Mohd Tarmizi Idris who wanted to know what had been done by the state government to preserve the forests for future generations.

Earlier, when answering a question from Kuala Sepetang assemblyman Chua Yee Ling, who had asked about the total size of permanent forest reserves in Perak, Zambry said the state government had taken steps to increase the permanent forest reserve to 48 per cent of the state's area.

He added that previously the permanent forest reserves stood at 997,504.11ha or 44.42 per cent of the state's total area of 2,103,500ha.

He also added that Perak had 76 permanent forest reserves. Zambry said the sustainable forest management system adopted by the state was the key to the achievement.

He said the state also issued strict conditions which must be adhered to by timber companies.

On the decision by the Selangor state assembly to approve fatter paychecks for the menteri besar, executive councillors, the speaker, his deputy and assemblymen, Zambry cynically said that the decision was supported by the people of Selangor.

He said that if such a decision was made in any Barisan Nasional-led states government, it would receive heavy criticism from opposition lawmakers and supporters.

***Page 1 Pic:** Perak has 76 permanent forest reserves.*



Shafiq Syaz
Nerang Hosp

Spe
an
for



SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK

# Perak masih banyak hutan

*» Bukti kerajaan negeri serius pastikan kelestarian alam sekitar*

**Laporan Shamsul Kamal Amarudin dan Nurhayati Abllah**
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Kadar keluasan hutan berbanding bilangan per kapita penduduk di Perak lebih tinggi daripada kadar sama dicatatkan di peringkat kebangsaan.

Ketika ini, kadar keluasan hutan di Perak berbanding bilangan per kapita penduduk 0.43 hektar bagi setiap seorang penduduk berbanding peringkat kebangsaan iaitu 0.2 hektar bagi setiap seorang penduduk di negara ini.

**Pengurusan terbaik**

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata rakyat negeri ini boleh berbangga kerana keluasan hutan masih banyak untuk kelestarian alam sekitar dan bekalan generasi akan datang selain menunjukkan pengurusan hutan di negeri ini antara yang terbaik dalam negara.

"Kita memberi perhatian serius terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan hutan kerana tidak mahu generasi akan datang berdepan dengan isu kepupusan hutan atau pokok," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Tarmizi Idris (BN-Kenering) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, di sini, semalam.

Zambry berkata, kerajaan negeri akan terus mengadakan pelbagai program perundingan pemuliharaan hutan dengan mengambil kira pandangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar dan pihak berkepentingan.

**Sasar tanam 2 juta pokok**

Katanya, antara usaha dilakukan ialah program menanam sejuta pokok di seluruh negeri yang sudah berjaya dilaksanakan baru-baru ini dan sekarang menyasar pula penanaman dua juta pokok.

Terdahulu, ketika menjawab soalan lisan Chua Yee Ling (PKR-Kuala Sepetang), Zambry berkata Perak berjaya menambah keluasan hutan simpan kekal daripada 42.47 peratus sebelum ini kepada 48 peratus sekarang.



> **"Rakyat negeri ini boleh berbangga kerana keluasan hutan masih banyak** *untuk kelestarian alam sekitar dan bekalan generasi akan datang"*
>
> **Zambry Abdul Kadir,**
> *Menteri Besar Perak*

**76 kawasan hutan simpan kekal**

Beliau berkata, ia membabitkan 76 kawasan yang sudah diwartakan sebagai hutan simpan kekal dengan terbaru ialah mewartakan sebahagian kawasan hutan yang terdapat di Lekir dalam daerah Manjung bagi tujuan berkenaan.

Zambry berkata, ketika ini, tidak ada amalan untuk membuat perundingan awam bagi pemansuhan hutan simpan kekal kerana sebarang usaha berkenaan tertakluk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 dan Kaedah-Kaedah Hutan 1988 yang masih berkuat kuasa.

Katanya, sebarang usaha untuk mewartakan atau memansuhkan hutan simpan kekal dilakukan dengan berhati-hati dengan me[...] dapatkan pandangan teknikal da[...] pada agensi berkaitan.

Beliau berkata, selepas itu, pi[...] berkuasa negeri akan mempert[...] bang setiap cadangan pewarta[...] dan pemansuhan hutan sim[...] kekal berdasarkan amalan pe[...] rusan hutan mapan serta me[...] bil kira kos ekonomi persekita[...]






# Lawatan *Tropical Rainforest Conservation and Research Centre Bhd.* (TRCRC) ke kawasan Tapak Projek untuk melaksanakan Inventori dan analisa tapak bersama kakitangan JPNPk


TAPAK PROJEK
" The Tropical Rainforest Living Collection Banun"
PELAKSANA
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
DAN
TROPICAL RAINFOREST CONSERVATION & RESEARCH CENTRE BHD.
HUTAN SIMPAN AMANJAYA
LUAS ± 500 HA
DATANG
TALI KAIL


SELAMAT DATANG
KE PULAU TALI KAIL




# *KEADAAN SEMASA KAWASAN CFS, GERIK*

# Keadaan Semasa





Tarikh 5/11/2013
Jam 5.30 petang





## *Status Terkini Pembinaan Viaduct*

1. **Syarikat yang telah dilantik : Syarikat Empayar Kukuh**
2. **Tarikh Milik Tapak : 23 Oktober 2013**
3. **Tarikh siap : 22 April 2015**
4. **Tempoh siap : 18 bulan**
5. **Tempoh Kecacatan : 12 bulan**
6. **Kos : RM 25.8 juta**

# Billboard CFS



# Papan Tanda


TAPAK PROJEK
" The Tropical Rainforest Living Collection Banun"
PELAKSANA
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
DAN
TROPICAL RAINFOREST CONSERVATION & RESEARCH CENTRE BHD.
HUTAN SIMPAN AMANJAYA
LUAS ± 500 HA

# Papan Tanda


NOTIS LARANGAN DI DALAM
HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)
ENAKMEN AKTA PERHUTANAN NEGARA
1984 (PEMAKAIAN) 1985 NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
ADALAH DILARANG :


HUTAN SIMPANAN KEKAL
H.S. AMANJAYA
NO.WARTA : 786 TARIKH WARTA : 9-5-2013
DILARANG :
1. Memasuki Hutan Simpanan Kekal.
2. Menebang dan mengambil hasil hutan.
3. Meneroka tanah untuk pertanian perlombongan dsbnya.
4. Membuat kerosakan khazanah hutan.
DENGAN PERINTAH :
PENGARAH
PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN

## *Papan Tanda*

Sebanyak 5 papan tanda amaran telah dipasang sepanjang HS Amanjaya






# Papan Tanda

Sebanyak 5 papan tanda amaran telah dipasang sepanjang HS Amanjaya



- ***JPNPk merancang untuk melaksanakan pemantauan secara berterusan dan akan memasang pagar keselamatan di km152 lebuhraya Gerik-Jeli (Kawasan Perasmian Amanjaya Tree Planting Program) serta membina site office.***

- ***JPNPk adalah komited untuk membangunkan kawasan terosot di dalam HSK terutamanya HS Amanjaya dan juga*** **sebagai platform untuk menjemput penglibatan pelabur yang berminat dalam penanaman semula hutan dan pelaburan karbon di Hutan Simpan Amanjaya .**






12 11:07AM

# PENUTUP

# SEKIAN

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK ADALAH KOMITED TERHADAP PEMATUHAN KEHENDAK MC&I (HUTAN ASLI) KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN**

# TERIMA KASIH